

# KONSEP ADAT MENURUT PERSPEKTIF MELAYU, SYARIAH ISLAMIAH DAN SARJANA BARAT

## 2.1 PENGENALAN

Adat merupakan *nexus* iaitu titik pertemuan yang melibatkan adanya interaksi antara manusia dengan alam.<sup>1</sup> Malah kewujudannya juga berbeza berdasarkan faktor suasana tempat dan mentaliti yang didiami oleh sesebuah masyarakat. Tindak balas masyarakat tersebut terhadap alam merupakan gambaran dari corak hubungannya terhadap alam sekitar dan ekologi. Dengan demikian dapatlah kita definisikan adat sebagai suatu sistem peraturan, norma dan undang-undang bertunjang pada alam sekitar.

Adat sifatnya adalah dinamis tidak statik, iaitu sentiasa berubah berdasarkan keperluan anggota masyarakat atau anggota adat. Di dalam Islam, adat merupakan suatu rahmat (*rahmah*) Tuhan<sup>2</sup> terhadap manusia dan sebagai simbol kebudayaan masyarakatnya. Tambahan pula, Islam telah mengukuhkan lagi penggunaan adat dengan mengiktirafnya

---

<sup>1</sup> Zainal Kling, "Adat", dalam *Adat Istiadat Melayu Melaka*, ed. Zainal Abidin Borhan (Kuala Lumpur: Institusi Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), 1996), 2.

<sup>2</sup> Untuk memahami apa sebenarnya rahmat Tuhan kepada manusia dari sudut sejarah seseorang itu mestilah kembali menganalisa dengan cermat akan amalan-amalan orang Arab sebelum Islam dan cara hidup mereka. Perlu diketahui bagaimana orang-orang Islam sendiri memandang Jahiliah itu dalam hubungan ini, kita dapat merujuk dalam al-Quran dan Hadith di mana boleh didapati setengah rujukan tentang amalan orang-orang Arab. Al-Quran sebagai contoh mengatakan; Firman Allah SWT dalam surah at-Tawbah 9: 97-98 yang bermaksud "Orang-orang Arab Badwi itu terlebih kafir (ingkar) dan munafik daripada orang yang tinggal di kota, dan lebih patutlah tiada mengetahui peraturan yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya. Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana." Lihat Othman Ishak, *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1982), 2.

sebagai salah satu sumber hukum bagi permasalahan yang tidak dapat di selesaikan berlandaskan sumber-sumber yang disepakati dari al-Quran, al-Sunnah, Ijmak, serta Qiyas dengan syarat ianya tidak bertentangan dari sudut syarak. Firman Allah SWT:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١٩٩﴾

al-A'raaf 7:199

Terimalah apa yang mudah engkau lakukan dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).

Namun begitu, apabila dikaitkan adat dengan hukum syarak jelas menunjukkan kaitannya antara satu sama lain. Perbilangan yang sering di gunakan iaitu “*Adat bersendi Hukum (Syariah), dan Hukum bersendi Kitabullah, Kuat Adat tak gaduhkan Hukum, Kuat Hukum tak gaduhkan Adat, Ikut Hukum Muafakat, Ikut Adat Muafakat*” merupakan satu ungkapan yang jelas menunjukkan bahawa adat Melayu mempunyai relevensi yang rapat dengan hukum syarak.

Akan tetapi, seringkali wujud kekeliruan di kalangan masyarakat yang tidak memahami adat itu sendiri sehingga membawa beberapa kesan negatif, antaranya: a) mereka menganggap semua aspek adat dan kesenian Melayu berasal dari warisan pra Islam yang terdiri daripada warisan Hindu, Budhha dan Animisme yang secara pastinya bertentangan dengan nilai-nilai Islam; b) sikap mereka menganggap masyarakat Melayu terkenal sebagai golongan yang fanatik terhadap adat warisan; c) sikap mereka sendiri yang

menyamakan adat Melayu dengan adat Timur Tengah dalam kajian yang menyentuh persoalan adat di Tanah Melayu; d) sikap mereka yang agak keras, tegas, tertutup dan tidak bertolak ansur terhadap persoalan seni; e) sikap yang menyempitkan ruang lingkup kebudayaan itu kepada aspek kesenian semata-mata,<sup>3</sup> sedangkan kebudayaan itu melebihi had tersebut; f) sikap ekstrim yang seolah-olah menafikan peranan seni di dalam kehidupan manusia.

Di samping itu juga, pengertian adat yang diberikan oleh sarjana Barat amat berbeza sekiranya dibandingkan dengan pengertian dari kalangan masyarakat Melayu dan juga sarjana Islam. Justeru, bab ini akan menghuraikan secara terperinci konsep adat menurut perspektif Melayu, syariah Islam serta menurut sarjana Barat. Bagi perspektif Melayu, pengkaji akan melihat kepada pengertian adat, adat lambang kebudayaan Melayu, kategori adat, asas pembentukan adat serta adat bagi masyarakat Melayu.

Sementara, konsep adat menurut perspektif syariah Islam pula, pengkaji akan melihat dari sudut pengertian adat dan ‘urf, syarat-syarat penerimaan adat serta syarat pengambilkiraan ‘urf dan adat. Manakala, konsep adat menurut Barat pula pengkaji akan melihat dari segi pengertian adat menurut pandangan mereka serta kesimpulan bagi setiap konsep. Oleh itu, kajian ini adalah sebagai langkah awal ke arah penganalisaan yang terperinci bagi mengetahui tujuan sebenar pembabitan sarjana Barat terhadap adat Melayu ini yang dikatakan sama sekali bertentangan dari sudut syarak.

---

<sup>3</sup> Sheikh Ab. Mukhsen Salleh, “Ke arah penyesuaian kebudayaan Nasional dengan ajaran Islam dalam Muktamar Ulama Malaysia” (t.tp: t.p, 12-13 April 1975), 7. Lihat juga Rahimin Affandi Abd. Rahim, “Adat dan Kesenian Melayu: Satu Tafsiran Dari Perspektif Islam” (Kertas Kerja Seminar Adat dan Kesenian Melayu Mengikut Perspektif Islam, Institut Seni Melaka Malaysia (ISMMA), Melaka, 2 Oktober 2002), 2-3.

## 2.2 KONSEP ADAT: SATU HURAIAN

Istilah adat dihuraikan berasaskan kepada tiga konsep yang berbeza iaitu adat menurut perspektif Melayu, syariah Islam dan juga menurut sarjana Barat. Ketiga-tiga konsep ini akan di analisis bagi melihat sama ada wujud atau tidak hubungkait antara ketiga-tiga perspektif tersebut berasaskan pengaplikasian metod komparatif, historis, analisis kandungan dan juga metod kajian tokoh.

### 2.2.1 Konsep Adat Menurut Perspektif Melayu

Adat sebenarnya berasal dari bahasa Sansekerta<sup>4</sup> *a* (bererti “bukan”) dan *dato* (yang ertinya “sifat kebendaan”).<sup>5</sup> Dengan demikian, maka adat sebenarnya bererti sifat immateril iaitu yang menghubungkan dengan hal-hal yang berkaitan dengan sistem kepercayaan.<sup>6</sup> Manakala, ada pandangan yang mendakwa terminologi adat adalah berasal dari perkataan Yunani di mana *a* (bererti “tidak”) dan *dat* (bererti “nyata”). Justeru, adat adalah sesuatu yang tidak nyata tetapi terasa seperti norma, etika, budi dan kemanusiaan.<sup>7</sup>

Menurut Kamus Dewan perkataan *adat* diertikan sebagai peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (*sejak dahulukala*) di dalam sesuatu masyarakat (*sehingga*

---

<sup>4</sup>. Bahasa Sansekerta sinonim di Indonesia, manakala Bahasa Sanskrit pula lebih sinonim di India.

<sup>5</sup> Soerjono Soekanto, *Hukum Adat Indonesia* (Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 2012),70. Lihat juga pandangan yang di kemukakan oleh M. Rasjid Manggis menegaskan perkataan adat berasal dari perkataan Sanskrit iaitu “a” dan “dato”. “A” bermakna tidak sedangkan “dato” bererti bersifat kebendaan. Oleh itu, adat adalah sesuatu yang tidak bersifat kebendaan. Lihat M. Rasjid Manggis, *Minangkabau: Sejarah Ringkas dan Adatnya* (Padang: Sridarma, 1971), 85.

<sup>6</sup> Rajo Penghulu, R.M. Dt. *Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau* (Padang: LKAAM, 1973), 86.

<sup>7</sup> D.Darwas Dtk. Rajo Melano, *Filsafat Adat Minangkabau* (Minangkabau: Lembaga Studi Minangkabau, 1979), 20.

merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi).<sup>8</sup> Kadangkala juga membawa makna kebiasaan, iaitu yang sudah lumrah diterima oleh setiap individu di dalam sesebuah masyarakat.<sup>9</sup>

Dalam konteks masyarakat budaya Melayu serta Alam Melayu, adat telah mengalami proses perkembangan yang dinamik iaitu mengandungi makna yang luas dan mendalam. Sehingga secara tradisi ia dapat di samakan dengan kebudayaan<sup>10</sup> dan juga di anggap sebagai *the way of life*<sup>11</sup> bagi suatu masyarakat. Lagi pula, penggunaannya juga banyak di temui dalam karya-karya sejarah, perundangan dan bahan sastera lama serta turut di temui di kalangan kelompok-kelompok masyarakat rumpun Melayu tradisional seperti Temuan, Iban, Kayan, Dayak Ngaju dan berbagai kelompok lain.<sup>12</sup>

Oleh itu, adat yang merangkumi keseluruhan cara hidup turut ditakrif sebagai kebudayaan, undang-undang, sistem masyarakat, upacara atau istiadat, sistem sosial, kepercayaan,<sup>13</sup> dan segala kebiasaan yang sering dilakukan, seperti cara makan atau cara

---

<sup>8</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 8, entri “adat”.

<sup>9</sup> Norazit Selat, “Adat Melayu: Kesenambungan dan Perubahan,” dalam *Adat Melayu Serumpun*, ed. Abdul Latiff Abu Bakar (Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 2001), 104.

<sup>10</sup> Zainal Kling, “Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat,” dalam *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram Adat Merentas Zaman*, ed. A. Samad Idris et. al., (Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, 1994), 148.

<sup>11</sup> Bermaksud satu cara hidup bagi suatu masyarakat. Lihat Mohd Anuar Ramli, “Instrumen ‘Urf dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa Di Malaysia,” *Jurnal Pengajian Melayu*, Jil 17, (2006), 254. Istilah *the way of life* ini banyak di temui dalam karya Melayu klasik; misalnya, dalam Sejarah Melayu ada menyatakan: “Maka sembah Menteri Jana Putera: Tuanku, akan adat kami Islam...”. Lihat juga Muhammad Haji Salleh (ed.), *Sulalat al-Salatin Ya’ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu Tun Sri Lanang)* (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 81.

<sup>12</sup> Zainal Kling, “Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat”, 148.

<sup>13</sup> Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Papatih Perbezaan dan Persamaan Dengan Adat Temenggong* (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1993), 5.

duduk.<sup>14</sup> Pengertian yang lebih tepat lagi adalah adat sebagai perlakuan atau tatacara di dalam kehidupan.<sup>15</sup>

Dalam masyarakat Melayu kini, pengertian adat sebagai satu bidang yang serba merangkum atau sebagai kebudayaan masih terdapat di wilayah Melayu pesisiran Sumatera Timur dan juga dalam kalangan masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat. Maka, terbitnya kaedah-kaedah (methodology) adat yang mengandungi empat jenis perlakuan; antara manusia dengan alam tabii dan antara manusia dengan manusia. Empat kategori adat tersebut:

i. Adat yang sebenarnya adat

ii. Adat yang teradat

iii. Adat yang diadatkan

iv. Adat istiadat<sup>16</sup>

i. Adat yang sebenarnya adat<sup>17</sup> secara terminologi membawa maksud ketentuan alam itu sendiri iaitu ketentuan alam yang hakiki, abadi, tidak berubah-ubah<sup>18</sup> dan ia berlaku menurut kudrat Ilahi. Berguru kepada alam yang abadi dan hakiki itu dijadikan

---

<sup>14</sup> Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 83.

<sup>15</sup> Norazit Selat, "Adat Melayu: Kesenambungan dan Perubahan, 104-105. Sebagai contoh pengertian adat menurut masyarakat keturunan Jawa di Malaysia adalah lebih kepada budaya perlakuan atau tatacara (upacara) yang dapat dirasa, dilihat dan dihayati seperti adat meminang, adat perkahwinan, adat kenduri-kendara, yang lebih menjurus kepada konsep *slametan* dan adat-adat lain yang dianggap wajar.

<sup>16</sup> Ibid., 6. Lihat juga Norazit Selat, "*Pengajian Hukum Adat Melayu*" (makalah, Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing), Beijing China, 20-24 Mei 1996. 1-2.

<sup>17</sup> Norhalim Ibrahim, *Glosari Adat Negeri Sembilan* (Shah Alam: Afy Communication, 2003), 8.

<sup>18</sup> Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975), 7. Ria Agustar, "Pelaksanaan Pembahagian Warisan Atas Harta Pencarian Dalam Lingkungan Adat Minangkabau di Kacamata Lubuk Kilangan Kota Padang" (Disertasi, Universiti Ponegoro Semarang, 2008), 38.

peraturan yang berbunyi: *adat api membakar, adat air membasahi, adat ayam berkokok, adat murai berkicau, adat laut berombak*. Dari sudut lain, adat yang sebenar adat ini membawa erti sesuatu perkara yang telah termaktub didalam al-Quran mahupun Hadis apabila ditetapkannya sebagai haram maka ia tetap membawa kepada haram tanpa boleh diubah. Dengan demikian, adat kategori ini dianggap sebagai paling sempurna dan paling tinggi lebih-lebih lagi apabila Islam dijadikan sebagai sumber utama yang dimasukkan di dalam kategori adat ini.<sup>19</sup>

- ii. Adat yang diadatkan<sup>20</sup> merupakan suatu perkara dan ketetapan yang diambil dari permuafakan yang bertujuan untuk mengatur masyarakat dalam segala bidang terutama dalam kehidupan sosial seperti di dalam pergaulan, bidang ekonomi dan sebagainya. Adat ini dibentuk oleh ketua-ketua adat sebagai perancangan untuk melaksanakan *adat yang sebenar adat* dan ia tetap akan berlaku selama mana masih ditaati oleh orang ramai dari kalangan masyarakat itu. Jika adat itu mahukan sesuatu perubahan, maka hendaklah diadakan mesyuarat dan muafakat. Meskipun demikian, mesyuarat juga perlu diadakan jika sebahagian besar dari pendukung adat telah mulai banyak menyimpang daripada adat yang diadatkan. Namun demikian adat ini tidak boleh bertentangan atau menyalahi adat nan sebenar adat (hukum alam dan hukum syarak) tetapi ianya boleh berubah melalui mesyuarat dan muafakat atau dicabut oleh pemimpin atau ketua adat. *Adat yang diadatkan* ini melingkupi seluruh segi kehidupan,

---

<sup>19</sup> Suryono Sukanto, *Pengantar Sosiologi Hukum* (Jakarta: Bhratara, 1977), 214. Lihat juga Zulkainaini Umar, "Adat Perpatih dan Hukum Syarak di Negeri Sembilan: Analisis Perbandingan Berkaitan Institusi Kekeluargaan dan Pewarisan" (Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), 85.

<sup>20</sup> Norhalim Ibrahim, *Glosari Adat Negeri Sembilan*, 7.

terutama segi kehidupan sosial, budaya dan hukum.<sup>21</sup> Keseluruhannya tersimpul dalam “undang yang dua puluh<sup>22</sup> dan cupak yang empat”.<sup>23</sup>

- iii. Adat yang teradat<sup>24</sup> adalah adat kebiasaan yang diterima oleh masyarakat tanpa mesyuarat atau ditetapkan terlebih dahulu. Adat ini banyak berlaku di dalam kehidupan sehari-hari seperti kepatuhan anak terhadap ibunya atau rasa hormat yang timbul oleh seorang yang muda terhadap yang tua dan antara seorang pemerintah dan yang diperintah. Oleh sebab adat ini telah menjadi kelaziman dalam masyarakat, maka ia akan terus diikuti oleh generasi seterusnya, tanpa perlu dibentuk terlebih dahulu. Adat yang teradat iaitu adat kebiasaan setempat yang boleh bertambah pada suatu tempat dan boleh pula hilang menurut kepentingan.<sup>25</sup> Kebiasaan yang menjadi peraturan ini mulanya dirumuskan oleh ninik mamak pemangku adat dalam satu-satu negeri untuk mewujudkan aturan pokok yang disebut “adat yang diadatkan”, yang pelaksanaannya disesuaikan dengan situasi dan kondisi setempat. Oleh kerana itu, adat yang teradat ini dapat berbeza antara satu negeri dengan negeri lain menurut keadaan, waktu dan keperluan anggotanya. Bila diperbandingkan antara adat yang diadatkan dengan adat

---

<sup>21</sup> Idrus Hakimi Datuk Raja Penghulu, *Mustika Adat Bersendi Syarak* (Bandung: CV, Rosda, 1978), 136.

<sup>22</sup> Undang-undang dua puluh terdiri daripada:

- i. Empat bentuk susunan negeri iaitu: teratak, dudun, koto dan negeri.
- ii. Empat bentuk kata iaitu: kata pusaka, kata muafakat, kata terdahulu dan kata kemudian.
- iii. Empat tingkat adat iaitu: adat yang sebenarnya adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat.
- iv. Empat bentuk hukum iaitu: hukum ilmu, hukum bainah, hukum karenah dan hukum ijtihad.
- v. Empat bentuk undang-undang iaitu: undang luhak dan rantau, undang tentang nagari, undang isi nagari dan undang dua puluh.

<sup>23</sup> Tentang cupak yang empat iaitu: cupak asli, cupak buatan, cupak tiruan dan cupak nan piawai. Ibid., 105.

<sup>24</sup> Norhalim Ibrahim, *Glosari Adat Negeri Sembilan*, 8.

<sup>25</sup> Datuk Batuah, *Tambo Alam Minangkabau* (Payakumbuh: Limbago, 1930), 57.



yang teradat, maka bezanya adalah terletak pada keumumannya iaitu adat yang diadatkan lebih bersifat umum pada pemakaiannya.

- iv. Adat istiadat<sup>26</sup> adalah kebiasaan dalam suatu masyarakat yang kemudian menjadi norma yang terus menerus dan berkembang. Kebiasaan ini merupakan ketentuan yang dibiasakan oleh ninik mamak pemangku adat sebagai tempat penampung kesukuan orang banyak yang tidak bertentangan dengan adat yang diadatkan serta tidak bertentangan pula dengan akhlak yang mulia. Adat istiadat ini tidak berlaku secara umum dan lebih terbatas lingkungannya. Dalam pelaksanaannya kadang-kadang menjurus kepada kebiasaan buruk menurut ukuran umum seperti kebiasaan menyabung ayam yang menjurus pada penganiayaan terhadap binatang. Adat kebiasaan yang bertentangan dengan ajaran agama atau yang disebut adat jahiliyah; terdapat dalam pemakaian yang salah dalam adat istiadat tersebut.

Secara kesimpulannya, pengkaji dapati keempat-empat tingkatan adat itu dalam penggunaan adat seharian terbahagi kepada dua kelompok iaitu: pertama dikenali sebagai *adat*, yang tersimpul di dalamnya “*adat yang sebenarnya adat*” dan “*adat yang diadatkan*”. Kelompok ini juga dikenali sebagai hukum adat yang mempunyai kuasa untuk mengikat serta dijalankan oleh badan yang mempunyai kekuasaan dalam masyarakat. Manakala, kelompok kedua iaitu *istiadat*, yang tersimpul di dalamnya “*adat yang teradat*” dan “*adat istiadat*” dalam erti yang sempit. Kelompok ini lebih bersifat tuntutan tingkah laku yang baik, tidak disebut sebagai hukum.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Norhalim Ibrahim, *Glosari Adat Negeri Sembilan*, 4.

<sup>27</sup> Idrus Hakimi Datuk Raja Penghulu, *Mustika Adat Bersendi Syarak*, 106.

Di kalangan masyarakat Melayu juga, konsepsi awal membahagikan dua sistem adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung.<sup>28</sup> Dari sudut sejarahnya, kedua-dua adat Melayu ini adalah berasal dari Minangkabau.<sup>29</sup> Istilah Adat Perpatih terbit daripada gelaran Sultan Balun, iaitu *Datuk Parapatieh Nan Sabatang* (Datuk Perpatih Nan Sebatang); dan istilah Adat Temenggung pula berasal daripada gelaran abang tiri Sultan Balun (Sultan Maharaja Basa), iaitu *Datuk Katumangguengan* (Datuk Ketemenggungan).

Menurut sarjana Barat iaitu R.O. Winstedt, Adat Perpatih lebih dikenali sebagai Undang-undang Perdana Menteri yang berasal dari masyarakat Minangkabau di Sumatera, sekalipun sistem yang terpakai di sana agak berbeza dari sistem di Tanah Melayu. Manakala Adat Temenggung pula dipanggil Undang-undang Menteri Peperangan dan Polis. Adat ini berasal dari Palembang, Sumatera dan ia mengandungi sesetengah daripada sistem Hindu.<sup>30</sup>

Ringkasan sejarah tradisional Adat Perpatih dan Adat Temenggung adalah seperti berikut:

Temenggung dan Perpatih adalah adik-beradik seibu dari bapa yang berlainan, Temenggung adalah seorang putera raja, Perpatih adalah anak orang biasa. Ibu mereka berkahwin kali kedua setelah suaminya yang pertama meninggal, dengan harapan dapat menjadi permaisuri Pulau Percha (Sumatera) yang pertama. Kedua beradik itu pengasas kepada dua institusi adat Melayu yang terbesar, yang satu mengembangkan cara hidup

---

<sup>28</sup> Hassan Ahmad, *Ensaikelopedia Printis* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, 1970), 1: 17.

<sup>29</sup> Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Pepatih Perbezaan dan Persamaan Dengan Adat Temenggong*, 5.

<sup>30</sup> Othman Ishak, *Hubungan Antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat*, 81.

aristokratik patrilineal, dan satu lagi mengikut sistem sosial kerajaan yang bercorak demokrasi matrilineal.

Di Tanah Melayu masyarakat Perpatih dapat dilihat terutamanya di Negeri Sembilan dan di daerah Naning Melaka. Adat Perpatih merupakan suatu sistem suku yang terdiri dari dua belas suku iaitu Biduanda, Batu Hampar, Seri Melenggang, Tanah Datar, Mungkal, Seri Lemak, Tiga Batu, Tiga Nenak, Paiah Kumbuh, Anak Melaka, Anak Acheh dan Batu Belang.<sup>31</sup>

Sungguhpun begitu, pengikut-pengikut Adat Perpatih yang matrilineal dan bersuku mula-mula sekali datang ke Tanah Melayu dalam abad ke tujuh belas. Pada ketika itu, mereka tidaklah benar-benar menubuhkan pemerintahan bersuku sehinggalah tahun 1773 iaitu setelah mereka secara rasmi melantik Raja Melewar, seorang kerabat diraja di Minangkabau sebagai raja Perpatih yang mula-mula di Negeri Sembilan. Sejak dari itu Adat Perpatih telah menjadi teguh dan dikuatkuasakan di kalangan masyarakat mereka.

Perkembangan Adat Perpatih ini bermula dari Negeri Sembilan berkembang ke daerah Ulu Muar, Jempol, Linggi (Sungai Ujong) dan Rembau. Di negeri Melaka pula mereka menubuhkan adat ini di Naning, Johol, dan Inas; manakala, di negeri Pahang bermula di Jelebu.<sup>32</sup> Setengah-setengah contoh yang selanjutnya boleh juga dilihat di negeri-negeri lain di Tanah Melayu, meskipun di negeri-negeri sebelah utara undang-undang Islam lebih umum diamalkan dan menarik perhatian dalam hal-hal pendakwaan berhubung dengan perkara-perkara warisan pusaka.

Sementara itu, bagi Adat Temenggung pula ia mula tersebar ke Tanah Melayu melalui Palembang, Sumatera. Ini disebabkan adat Melayu lama Palembang adalah

---

<sup>31</sup> Othman Ishak, *Hubungan Antara Undang-Undang Islam*, 82.

<sup>32</sup> Norhalim Ibrahim, *Glosari Adat Negeri Sembilan*, xi.

dipengaruhi oleh tamadun Hindu purba yang secara jelasnya mengamalkan adat Hindu beserta sifat-sifat umum monarki secara teguh. Adat ini juga lebih sinonim dikenali sebagai Undang-undang Menteri Peperangan yang memiliki ciri umum seperti bukan undang-undang bertulis, suatu adat autokratik, sistem *patrilineal* dan merupakan undang-undang umum.<sup>33</sup>

Di samping itu, Adat Temenggung turut dikenali dengan undang-undang tak bertulis kerana undang-undang ini tidak diperkenal dan diluluskan oleh Parlimen atau oleh sebarang kebiasaan harian dan kelaziman adat lama. Ia merupakan suatu adat autokratik kerana prinsip umumnya adalah disusun oleh Kerajaan Melayu Hindu Palembang. Namun, ia disokong oleh putera-putera raja Melayu. Akhirnya menjadi suatu kuasa adat yang kukuh dan boleh dikuatkuasakan. Ia merupakan suatu sistem patrilineal kerana perkaitannya antara keluarga adalah bersusur galurkan sebelah bapa; dan sebagai peraturan am lelaki adalah mempunyai keistimewaan ke atas perempuan. Adat Temenggung juga merupakan undang-undang am yang umumnya diamalkan hampir seluruh tempat di Semenanjung Tanah Melayu.

Telah dikatakan bahawa Adat Temenggung permulaannya adalah di Singapura dalam abad keempat belas. Ketika ini telah terjadi peperangan antara Empayar Majapahit dengan Singapura. Dari Singapura adat ini beransur-ansur merebak ke negeri-negeri lain dan pulau-pulaunya. Hari ini, adat ini masih lagi menjadi adat resam negeri-negeri Perlis, Kedah, Penang, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, dan juga di setengah-setengah tempat di negeri-negeri Melaka dan Negeri Sembilan. Sebagai buktinya, adat istiadat Melayu termasuk Adat Temenggung telah diakui oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai suatu kuasa teguh dan dapat dikuatkuasakan melalui

---

<sup>33</sup> Othman Ishak, *Hubungan Antara Undang-Undang Islam*, 90.

undang-undang. Sekiranya prinsip Adat Perpatih dapat dikutip dari pepatah dan bidalan-bidalannya, maka hukum Adat Temenggung pula di gambarkan oleh Hukum Kanun Melaka, Undang-undang 99 Negeri Perak dan lain-lainnya.<sup>34</sup>

Secara rumusnya dalam konsep adat menurut perspektif Melayu ini, pengkaji rumuskan bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu melahirkan konsep adat ini dengan makna yang luas dan mendalam sehingga merangkumi keseluruhan cara hidup yang terkini di takrif sebagai kebudayaan, undang-undang, sistem masyarakat, upacara, dan segala kebiasaan yang sering dilakukan.

Secara umumnya dapat disimpulkan antara konsep yang berkait dengan adat termasuklah:<sup>35</sup>

- Adat sebagai kelakuan dan kebiasaan yang betul seperti menghormati orang yang lebih tua dengan menggunakan istilah panggilan pangkat kelahiran atau kekeluargaannya.
- Adat dengan makna khusus, seperti “bayaran mas kahwin” di Negeri Sembilan atau “belanja hangus” di utara Melaka, iaitu belanja yang diberikan oleh pihak lelaki bagi suatu istiadat perkahwinan yang dilaksanakan oleh pihak perempuan.
- Adat sebagai prinsip semula jadi alam. Misalnya, “adat api membakar”, “adat air membasah”, dan “hidup dikandung adat, mati dikandung tanah”.
- Adat sebagai hukum dan undang-undang dalam negara dan masyarakat umum. Misalnya, hukuman yang dikenakan terhadap pelbagai kesalahan dalam masyarakat

---

<sup>34</sup> Hassan Ahmad, *Ensaikelopedia Printis*, 17.

<sup>35</sup> Hilman Hadikusuma, *Ensiklopedia Hukum Adat dan Hukum Budaya Indonesia* (Bandung: Penerbit Alumni, 1977), 12; Soerjono Soekanto, *Kamus Hukum Adat* (Bandung: Penerbit Alumni, 1978), 11; Ali Akbar Navis, *Alam Berkembang Jadi Guru: Adat dan kebudayaan Minangkabau* (Jakarta: Grafiti Pers, 1984), 88-89; Rahim Syam & Norhale, *Mendekati Kebudayaan Melayu* (Petaling Jaya : Fajar Bakti, 1985), 79-80.

ataupun undang-undang adat dalam masyarakat Adat Perpatih serta pelbagai hukum kanun lama dari zaman Melaka hingga abad ke-20.<sup>36</sup>

- Adat sebagai segala perlakuan upacara yang sering kali disebut sebagai adat istiadat. Upacara bermaksud sesuatu yang merangkumi segala perbuatan, kegiatan, peralatan, acara dan perlakuan yang teratur dan tersusun berkait dengan makna kesucian atau kekudusan dalam sesuatu kepercayaan. Dalam kategori ini fungsi upacara adalah memberi kesahihan dan kebenaran kepada sesuatu perkara yang berlandaskan kepada prosidur, cara atau kaedah yang wajar bagi memberi sifat suci, benar dan sah.<sup>37</sup> Dalam bentuk ini, adat itu termasuk dalam lingkungan bidang kepercayaan dan perlakuan agama, serta juga magis. Dalam hal ini, berlaku pertindihan bidang antara adat istiadat dengan upacara, sekaligus menjadikan upacara sebagai sebahagian daripada konsep adat yang lebih luas.
- Adat dengan erti susunan masyarakat dan segala lembaga kemasyarakatannya, seperti sistem kekeluargaan, sistem politik mahupun sistem ekonomi, seperti pemilikan tanah dan pembahagian harta. Institusi kekeluargaan yang lazim dilaksanakan dalam pelbagai masyarakat ialah adat masyarakat itu. Ada masyarakat yang biasa mengamalkan sistem kekeluargaan matrilokal dan ada yang neolokal. Demikian juga, ada masyarakat yang membahagikan harta serta pemilikan secara faraid dan ada yang secara sama rata. Institusi dan organisasi kemasyarakatan sebagai prinsip penyusunan masyarakat merupakan makna.

---

<sup>36</sup> Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, cet. ke-2. (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 1982) Lihat juga Abdullah Jumain Abu Samah, *Asal-usul Adat Perpatih dan Adat Temenggung* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995).

<sup>37</sup> Zainal Kling, "Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat", 150.

- Adat sebagai peraturan hidup bermaksud sesuatu peraturan itu lazimnya dikawal dan dibendung oleh satu sistem norma dan nilai yang diterima pakai oleh semua ahlinya. Peraturan seperti ini dinamakan juga sebagai ‘adat’. Namun begitu, dalam kebudayaan Melayu ia lebih dikenali sebagai *adat yang diadatkan*. Sebagai satu peraturan hidup, adat di dalam konteks ini tidaklah dianggap sebagai undang-undang kerana ianya bukan sesuatu yang mutlak dan mesti diikuti oleh semua. Ianya bukan wajib tetapi pengamalannya secara kelompok boleh mewujudkan keseragaman dan seterusnya identiti kaum atau bangsa. Seterusnya, tergolong di dalam konsep adat sebagai peraturan hidup ini adalah amalan nilai-nilai yang bersifat individualistik dan komuniti. Kesemua nilai-nilai ini perlu ada dan menjadi suatu yang penting kepada sahsiah individu tambahan lagi impaknya akan dirasai oleh masyarakat.
- Adat sebagai perlembagaan bermaksud sesuatu amalan atau prinsip hidup yang asasi, tetap dan kekal tanpa wujudnya perubahan dan sekiranya ada perubahan tetapi dalam kuantiti yang kecil untuk jangka masa yang amat panjang. Dalam konteks ini, adat ini boleh dikategorikan sebagai *adat yang teradat* dalam kebudayaan Melayu. Oleh itu, adat yang berfungsi sebagai prinsip asas ini akan kekal dan tidak mengalami perubahan kerana perubahan yang berlaku akan memusnahkan bentuk dan rupa masyarakat itu.
- Adat lambang kebudayaan Melayu. Setiap kebudayaan pasti akan mengalami perubahan dan proses kesinambungan sama ada dalam bentuk artifak yakni budaya kebendaan atau budaya bukan kebendaan.<sup>38</sup> Keseragaman tanggapan alam kebudayaan Melayu dan semua suku bangsa alam Melayu terpancar di dalam sistem sosiobudaya

---

<sup>38</sup> Rahim Syam Norhale, *Mendekati Kebudayaan Melayu*, 5.

yang dinamakan adat.<sup>39</sup> Pada dasarnya, amalan adat dalam sesuatu kebudayaan mempunyai bentuk dan isinya yang serupa tetapi terdapat beberapa perbezaan kecil dari segi perlaksanaannya.<sup>40</sup> Perbezaan ini banyak dipengaruhi oleh keadaan persekitaran sesebuah masyarakat itu di samping unsur-unsur lain. Adat merupakan sebahagian daripada kandungan kebudayaan.<sup>41</sup> Oleh kerana adat dianggap sebagai antara ciri-ciri penting kebudayaan, maka ia juga akan mengalami pelbagai perubahan.<sup>42</sup> Namun begitu, adat di kalangan masyarakat di alam Melayu lebih umum sehingga ianya mempunyai erti yang hampir sama dengan kebudayaan.<sup>43</sup> Adat juga terdiri daripada sebahagian kecil aspek-aspek khusus dalam kebudayaan sebagai contoh kelaziman, aturan kesusilaan, tingkah laku, piagam (*conventions*), upacara yang berkaitan dengan istiadat (*rituals*), sambutan pesta (*ceremony*), moral dan adat kebiasaan (*custom law*).<sup>44</sup>

Secara umumnya, pembentukan adat adalah terdiri daripada dua asas makro yang utama iaitu nilai-nilai sosial dan *worldview*. Kedua-dua asas ini pula terbentuk dari

---

<sup>39</sup> Zainal Kling, *Konsep Kebudayaan Kebangsaan Malaysia*, dalam *Pertemuan Dunia Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 62.

<sup>40</sup> Asmad, *Kesenian Adat, Petua dan Kepercayaan* (Melaka: Associated Education Distributors (M) Sdn Bhd, 1990), 1.

<sup>41</sup> Darwis A. Soelaiman, *Manifestasi Kosmologi Dalam Adat Aceh* (Kertas Kerja dalam Yaacob Harun, (ed.), *Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu di Universiti Malaya*, Kuala Lumpur, 24-26 Januari 1994), 1.

<sup>42</sup> *Ibid.*, 3-5.

<sup>43</sup> \_\_\_\_\_, *Adat*, dalam *Adat Istiadat Melayu Melaka*, ed. Zainal Abidin Borhan (Kuala Lumpur: Institusi Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), 1996), 2.

<sup>44</sup> Wan Abdul Kadir, *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di kalangan Orang-Orang Melayu* (Kota Bharu: Masfami Enterprise, 2000), 67.



beberapa asas mikro yang lain iaitu pengalaman, suasana tempatan, kepercayaan warisan dan agama.<sup>45</sup> Berikut merupakan huraian lengkap:

### 1. Nilai-nilai sosial<sup>46</sup>

Nilai-nilai sosial adalah merupakan asas utama kepada pembentukan adat. Ia bermakna ukuran yang diberi dan dikongsi bersama terhadap sesuatu, perlakuan tentang baik dan buruk, halus dan kasar, tinggi dan rendah atau cantik dan buruk. Ia memainkan peranan yang penting dalam menentukan perlakuan yang wujud di dalam sesebuah masyarakat.

Melalui nilai-nilai sosial, anggota masyarakat dapat mengenalpasti perlakuan yang baik dan sesuai dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan mereka yang akhirnya membentuk peraturan sosial atau adat. Ia dipupuk secara penyaluran melalui budaya ekspresif iaitu satu budaya yang mempunyai unsur-unsur simbolis bertujuan mendidik dan memberikan disiplin kepada anggota-anggota masyarakat terutama golongan muda.

Dalam masyarakat Melayu misalnya, sebahagian besar dari nilai-nilai sosialnya dipengaruhi oleh Islam, agama yang mereka anuti. Secara umumnya, terdapat empat nilai sosial utama dalam masyarakat ini iaitu kerjasama, hormat menghormati, tolak ansur dan ziarah-menziarahi.

---

<sup>45</sup> Siti Fauziah Mohd Amin, “Adat-adat Masyarakat Melayu Brunei Daerah Membakut Sabah: Kajian Menurut Perspektif Islam” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 16-17.

<sup>46</sup> Wan Abdul Kadir, *Tradisi Dan Perubahan Masyarakat Dan Budaya Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu, 2002), 34-40.

## 2. World view<sup>47</sup>

Konsep worldview boleh dimaksudkan sebagai ilmu pengetahuan yang berasaskan kepada kepercayaan dan pengalaman.<sup>48</sup> Ia dibina berasaskan perakuan ramai (*collective representation*).<sup>49</sup> Agama dan kepercayaan warisan merupakan asas terpenting dalam pembentukan worldview di kalangan anggota masyarakat. Proses penyesuaian dilakukan dengan kehendak-kehendak Islam dan ilmu pengetahuan moden. Dalam perkembangan seperti ini, worldview tradisi selalu dianggap mitos yang tidak membawa kebenaran.

Tetapi worldview yang dibina dan berasaskan kepada Islam tidak berubah dan tetap menjadi pegangan kepada orang-orang Melayu.<sup>50</sup> Sebagai contoh, kepercayaan tentang kuasa-kuasa ghaib yang ada di sekeliling kehidupan sesebuah masyarakat akhirnya membentuk pelbagai pantang larang dan kepercayaan yang terdapat dalam adat tertentu.

## 3. Pengalaman

Sumber adat itu adalah berasaskan tradisi pewarisan yang berlandaskan pengalaman anggota masyarakat masa lampau yang telah dikumpul dan menjadi panduan hidup dari satu generasi kepada generasi berikutnya. Dengan cara itu, adat itu kemudiannya menjadi mantap berlandaskan keperluan dan kepentingan masyarakat itu sendiri.

---

<sup>47</sup> Siti Fauziah Mohd Amin, *Adat-adat Masyarakat Melayu Brunei*, 16-17. Lihat juga Wan Abdul Kadir, *Tradisi Dan Perubahan Masyarakat*, 65.

<sup>48</sup> Ibid.,

<sup>49</sup> Ibid., iv

<sup>50</sup> Ibid., 68.

Berdasarkan pengalaman yang diwarisi, anggota masyarakat dapat mengenal pasti tentang baik buruk sesuatu benda, perlakuan atau kejadian.<sup>51</sup>

#### 4. Suasana tempat

Suasana tempatan turut mempengaruhi pembentukan sesuatu adat, contohnya masyarakat yang tinggal di kawasan tepi pantai yang menjadikan amalan menangkap hasil lautan sebagai sumber rezeki lazimnya lebih mudah terpengaruh dengan kepercayaan berkaitan wujudnya kuasa ghaib di lautan yang dapat membantu atau mencederakan mereka semasa berada di laut, kepercayaan ini akhirnya membentuk adat memuja pantai, begitu juga dengan masyarakat yang tinggal di kawasan pertanian seperti pesawah padi akan terpengaruh dengan kepercayaan tentang wujudnya kuasa ghaib yang memberi kesan kepada hasil tanaman mereka, kepercayaan ini juga akhirnya membentuk adat memuja semangat padi yang lazimnya diamalkan pada masa lampau. Contoh-contoh ini menunjukkan suasana tempatan juga turut memainkan peranan dalam pembentukan sesuatu adat.

#### 5. Kepercayaan Warisan<sup>52</sup>

Kepercayaan warisan adalah berlandaskan kepada animisme yang bercorak *fetishism* dan spiritual. Berdasarkan kepada *fetishism*, kepercayaan kepada semua perkara

---

<sup>51</sup> Siti Fauziah Mohd Amin, *Adat-adat Masyarakat Melayu Brunei*, 16-17. Lihat juga Wan Abdul Kadir, *Tradisi Perubahan Masyarakat*, 40.

<sup>52</sup> \_\_\_\_\_, *Masyarakat dan Budaya Melayu Peraturan Sosial*, 29.

dalam alam ini mempunyai kuasa dan semangat yang mesti dipuja dan mempengaruhi perlakuan hidup anggota masyarakat. Kepercayaan kepada semangat dan roh nenek moyang dan seumpamanya yang dikatakan *spiritualism* juga turut mempengaruhi perlakuan anggota masyarakat.

Maka, berasaskan kepada kepercayaan warisan, anggota masyarakat perlu menentukan peraturan atau adat bagi menghormati atau menyembah kuasa-kuasa luar biasa yang dipercayai itu. Upacara yang berkaitan dengan kepercayaan itu selalu dilakukan, ini termasuklah kemunculan jampi serapah dan mentera yang berkaitan dengan kepercayaan demikian.

## 6. Pengaruh agama<sup>53</sup>

Agama Islam, Hindu, Budha dan Kristian banyak mempengaruhi pembentukan adat sesuatu kaum. Kaum Melayu khususnya telah menerima pengaruh agama Islam yang telah diserapkan ke dalam pengamalan adat, dengan erti kata lain, Islam mengakui adat-adat kaum Melayu selagi mana ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Begitu juga dengan kaum India dan China yang lebih terpengaruh dengan agama Hindu dan Budha. Pengaruh agama memberi kesan yang jelas kepada pengiktirafan nilai-nilai sosial yang merupakan asas utama kepada pembentukkan adat. Pemupukan nilai yang dilakukan agama itu lebih menekankan kepada kesedaran dari dalam diri, atau dikatakan proses internalisasi. Proses ini dikatakan amat berkesan bagi memberikan kesedaran kepada individu.

---

<sup>53</sup> Wan Abdul Kadir, "*Tradisi Dan Perubahan Masyarakat Dan Budaya Melayu*," 40.

Pada dasarnya, asas-asas pembentukan ini saling lengkap melengkapi antara satu sama lain dalam proses pembentukkan adat sesebuah masyarakat. Ia juga telah diperkukuhkan lagi dengan wujudnya interaksi sosial di kalangan anggota masyarakat dalam kehidupan seharian mereka. Adat adalah terhasil daripada gabungan asas-asas utama ini.<sup>54</sup>

### 2.2.2 Konsep Adat Menurut Perspektif Syariah Islam

Dalam konsep syariah Islam, istilah *'urf* lebih kerap digunakan malah istilah ini mempunyai hubungan yang erat dengan perkataan adat.<sup>55</sup> Hal ini dapat di lihat majoriti para sarjana seperti al-Nasafi, Ibn 'Ābidīn dan Ibn Nujaym telah bersepakat mengatakan bahawa *al-'urf* dan *al-'ādah* mempunyai maksud yang sama<sup>56</sup> dalam konteks teori usūl al-fiqh. Malah pendapat ini termasuk juga pendapat kebanyakan para ulama'.<sup>57</sup>

Meskipun begitu, *'urf* didefinisikan dalam terminologi Arab dengan pelbagai maksud,<sup>58</sup> antaranya pengetahuan atau *al-ma'rifah* yang merupakan kata terbitan (*masdar*)

---

<sup>54</sup> Wan Abdul Kadir, "*Tradisi Dan Perubahan Masyarakat Dan Budaya Melayu*", 19-20.

<sup>55</sup> Mohd Anuar Ramli, "Asas hukum dalam budaya: kajian terhadap beberapa aspek hubungan sosial dalam kebudayaan Malaysia" (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 23. Terdapat dua entri perkataan "urf" dalam al-Qur'an, iaitu 7: 199 dan 77: 1, manakala perkataan "ma'ruf" pula 38 entri, iaitu 2: 178, 180, 228, 229, 231, 232, 233, 234, 235, 240, 241, 263: 3: 104, 110, 114: 4: 5, 6, 8, 19, 25, 114, 7: 157: 9: 67, 71, 112: 22: 41: 31: 15, 17: 33:6, 32: 47: 21: 60: 12: 65: 2, 2, 6. Lihat Muhammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī, *Al-Mu'jam Mufahras li Alfāz al-Qur'an al-Karīm*, cet. ke-4 (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1994), 582-583.

<sup>56</sup> Zayn al-'Ābidīn Ibn Ibrāhīm Ibn Nujaym, *al-Asybah wa al-Nazā'ir* (Tahqīq: 'Abd al-'Azīz Muḥammad al-Wakīl) (Kaherah: Mu'assasah al-Ḥalabī, 1968), 93.

<sup>57</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1998), 2: 831.

<sup>58</sup> Terdapat maksud lain bagi perkataan 'urf iaitu antaranya setiap perkara yang tinggi, tanah tinggi, bukit, atau bahkan kadang-kadang bermaksud ekor ayam jantan yang tinggi. Selain itu, 'urf turut diertikan sebagai sesuatu yang berterusan dan sambung-sambung antara satu sama lain, contohnya ialah *'urf al-faras* iaitu keadaan bulu leher kuda yang bersambung-sambung antara satu sama lain. Lihat juga

bagi lafaz ‘*arafa*.<sup>59</sup> Sementara itu, menurut Ibn Manzūr lafaz *al-‘ārifah* dan *al-ma’rūf* merupakan definisi yang kerap di gunakan iaitu *akronim*<sup>60</sup> kepada perkataan keburukan (al-nakr) atau perkataan-perkataan yang diketahui baik dan diterima oleh jiwa dengan tenang.<sup>61</sup> Sekalipun begitu, perkataan adat turut juga diketahui membawa maksud sesuatu yang menjadi kebiasaan dan baik, sepertimana pada perkataan ‘*urf* dan *ma’ruf* yang terdapat di beberapa tempat dalam al-Quran.<sup>62</sup> Hal ini telah di beri perhatian oleh Luis Ma’Iuf dengan membuat sedikit pembahagian iaitu ‘*urf* termasuk perkara yang wujud secara tetap dalam diri manusia yang berpandukan akal fikiran dan diterima oleh tabiat yang sejahtera.<sup>63</sup> Bahkan, *Adat* pula diertikan sebagai perkara yang selalu berulang atau berlaku tanpa dikaitkan dengan fikiran.<sup>64</sup>

Sementara dalam konteks terminologi *uṣūl fiqh*, al-Jurjānī di dalam kitabnya al-Ta’rīfāt mendefinisikan sebagai sesuatu amalan yang mendasari jiwa dengan penyaksian akal yang diterima oleh tabiat semula jadi manusia”.<sup>65</sup> Pandangan ini hampir sama dengan apa yang dibawa oleh Ibn ‘Ābīdīn dalam kitabnya al-Mustasfā yang bermaksud *al-‘Ādah*

---

Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 9: 239. Contoh ayat al-Qur’ān yang terdapat perkataan al-‘urf yang mengandungi maksud yang pelbagai, 7: 46, 199. Lihat juga Abū al-Fidā’ Ismā’īl Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. (Beirut: Dār al-Fayha’, 1998), 2: 289, 4: 523. Turut di didefinisikan juga ‘urf sebagai segala perlakuan manusia sama ada dari segi perkataan atau perbuatan yang telah menjadi kebiasaan. Lihat ‘Abd. Al-Wahhāb al-Khallāf, *Ilmu Uṣūl al-Fiqh*, cet. ke-9. (Kuwait: Dār al-Qalam, 1970 M/1390 H), 89.

<sup>59</sup> Ahmad Sufyan Che Abdullah dan Ab Mumin Ab Ghani, “Urf dan Justifikasinya dalam Analisis Hukum Fiqh al-Muamalat,” *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008), 396. Lihat juga Ibid., 9: 239.

<sup>60</sup> Merupakan lafaz dari perkataan arab. Dalam Bahasa Melayu bermaksud dekat. *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu*, cet. ke-7 (Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd, 2006), 293, entri “akronim”.

<sup>61</sup> Ibid.,

<sup>62</sup> Lihat al-Quran, (2) : 177, 178, 179, 180, 227, 228, 229, 231 – 233, 234, 240, 241, 263; (3) : 104, 110, 114; (4) : 6, 19, 25, 114; dan (7) : 119, 199, 157; (9) : 67, 71, 112; (22) : 41; (31) : 17; (47) : 21; (60) : 12; (65) : 2, 6.

<sup>63</sup> Luis Ma’Iuf, *al-Munjid* (Beirut, 1952), 521.

<sup>64</sup> Muḥammad al-Jurjānī, *Kitab al-Ta’rīfāt* (Kaherah, 1233), 99.

<sup>65</sup> Ibid., (Kaherah, 1283), 99.

dan *al-'Urf* merupakan sesuatu yang telah mendasari jiwa melalui pemikiran, dan diterima melalui naluri yang suci.<sup>66</sup> Manakala, Al-Zuhaylī<sup>67</sup> pula mendefinisikan *'urf* sebagai kebiasaan yang diterima umum dan berakar umbi dalam masyarakat. Sebaliknya, Abū Zahrah<sup>68</sup> dalam penghuraiannya mengatakan *'urf* adalah perkara yang menjadi kebiasaan orang ramai dalam transaksi (*mua'malah*) dan mereka bersikap konsisten dalam urusan mereka.<sup>69</sup>

Selanjutnya, sarjana moden seperti 'Abd al-Wahhāb Khallāf mentakrifkan *'urf* sebagai apa-apa yang diketahui dan diaplikasikan oleh masyarakat dalam percakapan atau perlakuan atau meninggalkan sesuatu amalan dan dinamakan juga sebagai *al-'ādah*.<sup>70</sup> Manakala Mustafā Aḥmad al-Zarqā' dengan ringkas dan padatnya mendefinisikan *'urf* sebagai sesuatu kebiasaan bagi sebuah masyarakat dalam percakapan, dan amalan.<sup>71</sup>

Manakala, bagi perkataan *Adat* pula berasal dari perkataan *al-'aud* atau *al-mu'awadah* yang bererti ulangan perbuatan hingga menjadi mudah dan menjadi tabiat<sup>72</sup>

---

<sup>66</sup> Muḥammad Amīn Afandi Ibn 'Ābidīn, *Majmū'ah Rasā'il Ibn 'Ābidīn*. (t.tp.: t.p, 1980), 2: 112. Definisi ini turut dipetik oleh Ahmad Fahmī Abū Sunnah cuma beliau menjelaskan bahawa al-Mustafā itu ialah karangan al-Nasafi, berbeza dengan Ibn 'Ābidīn yang tidak menjelaskan berkenaan dengan penulisan al-Mustafā itu. Lihat Aḥmad Fahmī Abū Sunnah, *al-'Urf wa al-'Ādah Fi Ra'y al-fuqahā'* (Kaherah: Dār al-Basā'ir, 2004), 28.

<sup>67</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1998), 2: 830.

<sup>68</sup> Muḥammad Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1958), 216.

<sup>69</sup> Pandangan ini telah diterima oleh R.Levy dengan penambahan “Oleh itu *'urf* seolah-olah mewakili adat yang tidak bertulis sebagai berlawanan dengan undang-undang yang ada. Syar'i pula merupakan beberapa perubahan tidak kurang dibuat orang untuk dijadikan sebagai satu daripada usūl. Ia kadang-kadang dianggap menyamai undang-undang biasa, atau undang-undang adat. Ini boleh jadi bila mana undang-undang sivil (ahkām) di dasarkan kepada undang-undang tempatan (a'rāf) yang diakui, dan adalah menjadi satu fakta yang masyhur bahawa kabilah dan masyarakat yang mempunyai susunan undang-undang tempatannya tidak bertulis, dan segala tradisinya mengenai kehidupan adalah dibuat sendiri”. R.Levy, *'Urf* (t.tp, t.t), iv: 1031.

<sup>70</sup> 'Abd al-Wahhāb, *Ilm Uṣūl al-Fiqh* (Madīnah Nasr: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1995), 85.

<sup>71</sup> Mustafā Aḥmad al-Zarqā', *al-Madkhal al-Fiqh al-'Amm* (Damsyiq: Dār-Qālam, 1998), 1: 141.

<sup>72</sup> Al-Zarqā', Muṣṭafā Muḥammad, *al-Fiqh al-Islāmī fi Thawbih al-Jadīd* (Dimasyiq: t.p, 1967), 1:3.

atau kebiasaan bagi orang ramai atau segolongan mereka secara berulang-ulang.<sup>73</sup> Menurut al-Fārūqī, *adat* ialah suatu peraturan yang diketahui umum, dengan melakukannya berulang-ulang kali sepanjang masa.<sup>74</sup>

Sementara, Ibn Manzūr mendefinisikan perkataan *adat* sinonim dengan *al-daydan* iaitu kebiasaan.<sup>75</sup> Manakala pengarang Mu'jam Lughāt al-Fuqahā' iaitu Qal'ahjī menjelaskan *adat* sebagai perbuatan yang dilakukan oleh manusia berasaskan rasional berulang kali tanpa bebanan (*takalluf*). Jadi, perkara yang konsisten dilakukan oleh manusia sebagai melaksanakan *nass syara'* bukanlah dari *adat*.<sup>76</sup>

Di samping itu, pandangan yang dilontarkan Ibn 'Ābīdīn dalam artikelnya *Nasyr al-'Urf fi Bina' Ba'd al-Ahkam 'ala al-'Urf* telah menyamakan kedua-dua instrumen tersebut sebagai amalan-amalan yang berulang kali dan diterima, serta mendapat tempat baik di hati orang.<sup>77</sup> Namun yang membezakannya adalah dari segi lokalitinya sahaja<sup>78</sup> iaitu istilah '*urf*' banyak digunakan di bahagian Timur Tengah sebagai contoh dalam penulisan ulama-ulama klasik sedangkan *adat* lebih popular dan meluas penggunaannya di kawasan Nusantara.

Selain itu, pandangan yang sama turut diberikan di kalangan jumur fuqaha' yang menyamakan antara '*urf*' dan *adat*. Namun begitu, jika dilihat dalam mazhab terdapat pandangan yang membezakannya; *adat* lebih umum manakala '*urf*' lebih khusus. Sementara

---

<sup>73</sup> Al-Jurjānī, *Kītab al-Ma'rifat* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 838.

<sup>74</sup> Ibid., Lihat juga Muḥamad Sālām Madkur, *Madkhal al-Fiqh al-Islāmī* (Kaherah: Maktabah al-'Ārabiyyah, 1384/ 1964), 117.

<sup>75</sup> Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram Ibn Manzūr, 14: 316.

<sup>76</sup> Muḥammad Rawwās Qal 'ahjī *et al.*, *Mu'jam Lughāt al-Fuqahā'* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1996), 269.

<sup>77</sup> Ibn 'Ābīdīn, *Nasyr al-'Urf fi Bina' Ba'd al-Ahkam 'ala al-'Urf* (Damascus: Dār al-Ma'arīf, t.t), 197.

<sup>78</sup> G.H. Bousquet, *Ada* (t.tp.: t.p., t.t), 1: 170; M.M.Wajih, Abd al-Haqq dan G.Kadir, *Kasyshaf Istihalad al-Funun* (t.p.: W.N.Lees' Press, 1862), 3: 994.



tiap-tiap *'urf* adalah *adat* dan tidak semua *adat* adalah *'urf*.<sup>79</sup> Bagi *'urf* yang tidak bertentangan dengan dalil syarak, maka ianya akan diterima tetapi yang bertentangan pula para ulama' mempunyai pendapat yang berlainan.<sup>80</sup>

Menurut Ibn 'Ābīdīn terdapat dua syarat penting dalam penerimaan *'urf* sebagai sumber undang-undang, *pertama*: *'urf* hendaklah secara keseluruhannya tidak bertentangan dengan sumber syarak iaitu teks al-Quran dan al-Sunnah yang sahih<sup>81</sup> serta mestilah pada umumnya menjadi amalan biasa di seluruh dunia Islam dan pada masa yang sama juga mestilah terjadi berulang-ulang kali dan terkenal.<sup>82</sup> *Kedua*: mana-mana Mufti (*Muslim Jurist*) atau Hakim (*Syari'ah Judge*) yang ingin memberi sebarang pendapat mengenai *'urf* berhubung dengan hal ehwal agama mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu merangkumi ia mestilah seorang yang amat teliti dan mempunyai pengalaman yang luas; ia hendaklah mengetahui undang-undang Islam seluas-luasnya, dan mengetahui semua masa dan keadaan di mana *'urf* boleh diamalkan mengikut keperluan masyarakat pada keseluruhannya.<sup>83</sup>

Justeru, secara keseluruhannya Ibn 'Ābīdīn merumuskan bahawa mana-mana Mufti atau Hakim Syariah yang ingin memberi sebarang pendapat mengenai adat (*'urf*) berhubung dengan hal ehwal agama, maka hendaklah mengetahui dua syarat seperti yang telah

---

<sup>79</sup> Al-Jīdī, Umār bin Abd. Karīm, *al-'Urf wa al-'Amāl fi al-Mazhāb al-Malikī wā Maḥmūha Lada Ulama' al-Ma'rāb* (t.p.: Muḥammadiyah al-Maghrib, 1984), 37.

<sup>80</sup> Ibn 'Ābīdīn, *Nasyr al-'Urf*, 199, 206, 207 dan 225.

<sup>81</sup> Othman Ishak, *Hubungan antara Undang-undang Islam*, 36.

<sup>82</sup> *Ibid.*, 199, 206, 209, 210, 214; lihat juga Abu Sannah, *al-'Urf wa al-'Adah fi Ra'y al-Fuqaha'* (Kaherah : Maṭba'ah al-Azhar, t.t), 8.

<sup>83</sup> Ibn 'Ābīdīn, *Nasyr al-'Urf fi Bina' Ba'd al-Ahkam 'Ala al-'Urf*, 209, 210.

dijelaskan beliau. Ini bererti bahawa Mufti atau Hakim Syariah hendaklah mengetahui adat tempatan dengan baik.<sup>84</sup>

Sehubungan dengan itu, pengkaji rumuskan bahawa *'urf* dan *adat* saling digunakan dengan maksud yang sama. *'Urf* dalam konsep ini lebih dikhususkan kepada maksud perbuatan atau tingkahlaku berbanding dengan konsep *'urf* menurut perspektif Melayu yang lebih luas dan menyeluruh yang dilakukan secara berterusan dalam masyarakat selagi mana tidak bertentangan dengan syarak. Malah ia boleh di jadikan sumber pembentukan hukum Islam dengan memenuhi beberapa kriteria bagi menjamin keabsahannya dalam masyarakat.

#### **2.2.2.1 Syarat Penerimaan Adat Dalam Syariah Islam**

Bila disebut adat di sesuatu tempat khususnya ia bukan sahaja bersangkutan dengan undang-undang sahaja, tetapi ia memberi maksud yang luas iaitu merangkumi peraturan-peraturan kehidupan harian, termasuk juga institusi-institusi perayaan dan lain-lain lagi yang berasal dari pengalaman pra-Islam. Justeru As-Sayuṭī (M.1505) telah meletakkan beberapa prinsip perpaduan bagi menyelesaikan apa-apa pertentangan antara amalan adat tempatan dan undang-undang Islam, di dalam bentuk peraturan atau prinsip teknikal undang-undang positif (*qawa'id*).<sup>85</sup> Antara peraturan ini adalah:

---

<sup>84</sup> Othman Ishak, *Hubungan antara Undang-undang Islam*, 36. 43.

<sup>85</sup> Abdul Latiff Abu Bakar, "Adat Melayu Serumpun", dalam *Adat Melayu Mengikut Perspektif Perundangan Islam di Malaysia*, ed. Abdullah Alwi Hj Hassan (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 58.

- a) Adat hanya diambil kira setakat mana ia menunjukkan amalan yang berterusan. Mengikut Abu Sannah, beliau telah memetik kata-kata al-Suyuti bahawa adat itu dianggap mempunyai kuasa perundangan jika amalannya berterusan. Ini bererti jika praktik adat itu terputus, maka adat demikian tidak boleh dianggap sah untuk diterima sebagai rujukan hukum. Di samping itu adat tersebut mestilah diketahui oleh kebanyakan penduduk di mana adat itu terpakai.<sup>86</sup>
- b) Kes-kes konflik di antara amalan adat dan doktrin *hukum Shari'ah* harus diselesaikan dengan mengambil yang pertama disebut sekiranya tidak terdapat suatu ketetapan peraturan *Shari'ah (hukm)*, contohnya, jika X bersumpah tidak akan memakan daging, ia tidak akan dianggap melanggar sumpahnya jika ia memakan ikan, walaupun ikan disebut daging di dalam al-Quran.

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى الْفُلْكَ

مَوَاحِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

An-Nahl 16: 14

Dan Dialah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu

---

<sup>86</sup> Wan Abd. Hamid Wan Ten dan Anisah Hj. Zainal Abidin, “Budaya dan Pemikiran dalam Masyarakat Global”, dalam Pengambilkiraan Uruf Masyarakat Majmuk Dalam Berfatwa: Analisis Terhadap Fatwa Terpilih, ed. Noor Naemah Abdul Rahman et al., (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 638.

memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan supaya kamu bersyukur.

- c) Kes-kes konflik di antara amalan adat dan peraturan *Shari'ah* harus diselesaikan dengan mengambil yang disebut kemudian sekiranya terdapat suatu ketetapan peraturan *Shari'ah* dalam soal yang berkaitan. Misalnya, jika Y bersumpah tidak akan berkahwin, ia akan dianggap melanggar sumpahnya hanya jika ia mengadakan kontrak (*'aqd*) nikah, dan tidak melanggar jika ia sekadar melakukan hubungan jenis (*wat'*).
- d) Di antara adat am (*'amm*) dan adat khas (*khass*), maka yang disebut kemudian menjadi sah setakat mana ia bukan suatu yang terbatas. Misalnya, adat yang terbatas kepada orang perseorangan dan bukan pada kumpulan.
- e) Adat harus dianggap berlaku dalam perkara-perkara tertentu apabila peruntukan-peruntukan *Shari'ah* bersifat umum dan apabila doktrin hukum mahupun ungkapan-ungkapannya tidak memberikan sebarang definisi.<sup>87</sup>

Peraturan-peraturan ini merupakan dasar yang di atasnya terdapat ruang untuk mengintegrasikan adat ke dalam rangka kerja hukum Islam, sama ada mungkin atau yang

---

<sup>87</sup> Abd. Jalil Borhan, *Sejarah Perundangan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Amal, 1993), 251-252.

sebenarnya, ia dimanfaatkan di bawah peruntukan-peruntukan yang wujud pada enakmen-enakmen yang berusaha mengawal perkembangan undang-undang adat Melayu bersama-sama dengan *hukum Shari'ah*.

Oleh kerana itu, perundangan Islam di Malaysia berdiri di tengah-tengah di antara fahaman sederhana dalam *Shari'ah* yang ekstrem dan ketaatan yang membuta terhadap adat. Dengan kombinasi *hukum Shari'ah*, undang-undang statut dan amalan adat dalam suatu keseimbangan yang harmoni, ia meletakkan langkah bagi pengembangan *hukum Shari'ah* yang berkesinambungan.<sup>88</sup>

#### **2.2.2.2 Syarat-Syarat Pengambiliraan 'Urf dan Adat**

Sarjana *usul* telah menggariskan beberapa syarat dalam pengambiliraan '*urf* dan adat sebagai asas hukum. Ini bagi memastikan nilai yang diterimapakai tersebut tidak bertentangan dengan objektif syariah untuk merealisasikan dan mengoptimumkan segala kebaikan dan meminimumkan kemudaratan. Syarat-syarat tersebut adalah:<sup>89</sup>

1. '*Urf* atau adat itu tidak berlawanan dengan *nass syara'*, sebaliknya jika ia berlawanan dengan *nass*, maka '*urf* tersebut tidak boleh diambilkira dan diamalkan seperti transaksi berunsur riba, pendedahan aurat dan sebagainya'.

---

<sup>88</sup> Abd. Jalil Borhan, *Sejarah Perundangan Islam di Malaysia*, 252.

<sup>89</sup> Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad, "Fiqh Malaysia" dalam *Urf dan Adat Semasa di Malaysia sebagai Asas Penentuan Hukum yang Tidak Dinaskan*, ed. Md. Saleh Haji Md.@ Haji Ahmad (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 110-112. Lihat Wan Abd. Hamid Wan Ten dan Anisah Hj. Zainal Abidin, "Budaya dan Pemikiran dalam Masyarakat Global", 639.

2. *'Urf* atau adat itu telah diamalkan secara menyeluruh dan meluas oleh masyarakat. Kalaupun ada yang tidak mengamalkannya hanya dalam jumlah yang minimum. Maka memadai ia diamalkan oleh majoriti masyarakat. Syarat ini disebut dengan istilah “*muttarid*” atau “*ghalib*”.
3. *'Urf* atau adat yang akan dirujuk dalam sesuatu tindakan (*tasarruf*) itu sudah wujud ketika hendak dilakukan tindakan itu. Ertinya, *'urf* itu telah mendahului waktu tindakan dan berterusan sehingga masa berlakunya tindakan itu. Oleh yang demikian, tidak harus diamalkan *'urf* yang baru timbul setelah akad. Maka *'urf* yang mendahului nas syarak sahaja yang dikira *'urf* yang sah, sedangkan perubahan yang berlaku ke atas *'urf* setelah akad tidak boleh diambil kira.
4. Tidak wujud sesuatu perkataan atau perbuatan yang berterus terang menyalahi *'urf*. Ia termasuk dalam kategori *al-nutq bi al-amr al-muta'arif*<sup>90</sup> iaitu tiada ungkapan kata atau perbuatan supaya melakukan sesuatu yang bertentangan dan berbeza daripanya. Maka tidak harus berpegang kepada *'urf* sekiranya terdapat perkataan dan perbuatan yang mengetepikan penggunaan *'urf* dan adat. Tidak wujud sesuatu perkataan atau perbuatan yang berterus terang menyalahi *'urf*. Maka tidak harus berpegang kepada *'urf* sekiranya terdapat perkataan dan perbuatan yang mengetepikan penggunaan *'urf* dan adat.

---

<sup>90</sup> Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad, “Fiqh Malaysia”, 639.

5. Pengamalan ‘*urf*’ tersebut mestilah umum merangkumi seluruh negara. Yang zahir pada kaitan ini hanya khusus kepada ‘*urf*’ yang membatasi yang umum dan mengikatkan yang mutlak.
6. ‘*Urf*’ itu hendaklah dimestikan (*mulzaman*) di mana wajib beramal dengannya pada pandangan manusia. Syarat ini terdapat dalam *fiqh Maliki* dan *Hanafi*.

Justeru, para ulama telah menggariskan beberapa panduan dan kriteria yang menjadi piawaian sebelum menerima sesuatu amalan itu sebagai baik atau tidak baik. Kriteria ini penting bagi memastikan ‘*uruf*’ yang diamalkan itu selaras dengan ketetapan syariat Islam.

Secara kesimpulannya, pengkaji dapati konsep adat atau ‘*urf*’ menurut syariah Islam adalah sama dengan konsep asas maqasid syariah iaitu untuk mendatangi masalah dan menolak kemudharatan. Hal ini kerana, sekiranya para Mujtahid menggunakan sesuatu hukum dengan merujuk kepada suasana pada zaman dahulu, maka ini akan membawa kepada timbulnya masyaqqah dan kemudharatan kepada orang ramai. Jadi, hal ini akan menyalahi kaedah-kaedah syariah yang diasaskan atas dasar meringankan, memudahkan dan menolak kemudharatan serta kerosakan, dengan tujuan untuk mengekalkan sistem kehidupan berasaskan hukum-hukum yang terbaik. Maka, adalah penting untuk kita menerima *adat* dan ‘*uruf*’ sebagai sumber dan instrumen hukum dalam sesebuah masyarakat selagi mana ia tidak berlawanan dengan *nass syara’* mengikut perubahan zaman dan suasana ketika ini.

### 2.2.3 Konsep Adat Menurut Sarjana Barat

Dalam masyarakat tradisional, adat dan hukum adat adalah kawalan sosial yang paling dominan. Menurut Taylor, adat berfungsi sebagai tatakelakuan yang mengatur, mengendali dan memberi arah kepada kelakuan dan perbuatan anggota masyarakat.<sup>91</sup> Sementara, A.J.N.Richards pula mentakrifkan *adat* boleh difahami sebagai, “adat can mean law, fashion, or personal and social behaviour”.<sup>92</sup> Manakala, Dr R. Van Dijk mentakrifkan *adat* dengan maksud semua kesusilaan dan kebiasaan dalam semua kehidupan.<sup>93</sup>

Bagi Hooker<sup>94</sup> sendiri beliau mendefinisikan adat sebagai: “Manners, etiquette, proper in the sense of correct, the natural order e.g. rivers, law in the sense of rules of law, law in the sense of concept of law-this sense of adat is related to .e.g. it is adat that law and religion complement each other and do not clash”.<sup>95</sup>

Walaupun pengertian adat itu berbeza-beza, namun pada dasarnya ia membawa erti yang saling kaitan. Dari pengertian yang diberikan nyatalah bahawa adat itu meliputi segala bentuk kehidupan manusia dan memang tidak dapat dipisahkan di antara keduanya. Namun pengertian yang diberikan oleh penulis-penulis barat seperti Hooker,<sup>96</sup> dan Taylor<sup>97</sup>

---

<sup>91</sup> Dictionary of the Social Sciences, (Great Britain: Tavistock Publication, 1964), 176.

<sup>92</sup> Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, 4; lihat juga A.J.N.Richard, *Sarawak Land Law* (t.tp.: t.p., t.t),16.

<sup>93</sup> Ibid., 3. Lihat juga Van Dijk, *Pengantar Hukum Adat Indonesia*, ter. A. Soehardi, cet. ke-7. (t.tp.: t.p., t.t.), 5.

<sup>94</sup> Hooker, MB, *Adat Laws In Modern Malaya: Land Tenure Traditional Government and Religion* (KL: Oxford University Press, 1972), 1.

<sup>95</sup> Ibid., Lihat juga Hooker, MB, *Reading in Malay Adat Law* (Singapore: University of Singapore Press, 1970), xi.

<sup>96</sup> Ibid.,

<sup>97</sup> Dictionary of the Social Sciences, 17.



keseluruhannya tertakluk kepada kebudayaan mereka dalam erti kata norma-norma yang mengatur kehidupan masyarakatnya.

Selain daripada itu, terdapat pandangan-pandangan lain yang diberikan oleh sarjana Inggeris dalam mentakrifkan undang-undang adat Melayu. Sebahagiannya cuba menyamakan undang-undang adat Melayu dengan istilah *code* dalam undang-undang moden Inggeris iaitu pandangan yang diberikan oleh Raffles dan Maxwell.<sup>98</sup>

Akan tetapi, Rigby dan Wilkinson telah menyanggah maksud *code* yang diberikan Raffles dan Maxwell terhadap undang-undang adat Melayu. Bagi mereka, pengertian undang-undang adat Melayu tidak seharusnya terpengaruh dengan maksud *code* dalam undang-undang moden Inggeris yang telah melalui proses *legislative authority*.

Sebaliknya, undang-undang adat Melayu lebih bercorak *digest* (intisari).<sup>99</sup> Tetapi, pandangan Rigby dan Wilkinson tidak pula disetujui Winstedt yang kekal mentakrifkan undang-undang adat Melayu sebagai *code, law* dan *legal digest*.<sup>100</sup>

Sementara itu juga, bagi Wilkinson beliau telah membahagikan Adat Perpatih ini kepada empat bahagian, iaitu: a) Primitive axiomatic justice-common sense atau cupak asli dan keadilan berasaskan akal, b) Treaty law atau undang-undang berasaskan kata muafakat,

---

<sup>98</sup> Raffles dan Maxwell dalam tulisan mereka menamakan beberapa buah undang-undang Melayu seperti *The Maritime Code of the Malays, Malacca Code, Perak Code* dan *Malay Codes of Laws*. Lihat Raffles, Thomas, *On the Malay Nation, with a Translation of its Maritime Institutions (Asiatick Researches 12, 1816)*, 102-159. Raffles, Thomas, *The Maritime Code of the Malays. (JMBRAS 3, 1879)*, 62-84. Maxwell, W.E., *The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land (JMBRAS 13, 1884)*, 75-189.

<sup>99</sup> Rigby, J. 1908. *The Ninety-Nine Laws of Perak*. IN R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects (Part II)* (t.t.p.: t.p., 1908), 1-86. Wilkinson, R.J., *Papers on Malay Subjects: Law (Part I & II)* (Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press, 1908).

<sup>100</sup> Merupakan tokoh utama dalam kajian undang-undang adat Melayu sekitar tahun 1920-an sehingga tahun 1940-an. Sebahagian persepsi dan pandangannya terhadap undang-undang Melayu cukup ketara berasaskan konsep Legal System seperti yang terdapat dalam masyarakat moden Barat. Lihat Winstedt, R.O. *A History of Malay Literature* in *JMBRAS 17 (3)* (t.t.p.: t.p., 1940), 118.

c) Traditional law atau kata-kata pusaka dan d) Artificial law atau cupak buatan iaitu undang-undang tiruan atau terminologi yang digunakan Wilkinson untuk menjelaskan undang-undang Islam.

Bagi Winstedt dan Josselin de Jong pula, mereka mengklasifikasikan kepada enam bahagian: a) Ancient custom atau adat lama, b) Created Custom atau adat yang diadatkan, c) Inherited Lore atau tradisi yang diwarisi, d) Decisions of common accord atau keputusan berasaskan muafakat, e) Ancient law that awaits ratification atau undang-undang lama yang menunggu pengesahan dan f) Decisions to be reached by later deliberatio atau keputusan yang perlu dibincang dan diperhalusi lagi.<sup>101</sup>

Secara umumnya, dalam konsep adat menurut sarjana Barat ini pengkaji dapat simpulkan kebanyakan sarjana Barat lebih selesa menggunakan istilah *code, law* atau *legal digest* bagi menerangkan maksud undang-undang Melayu atau adat. Justeru, bagi pengkaji ketiga-tiga istilah tersebut dirasakan kurang sesuai dengan ciri-ciri asas undang-undang adat. Sebaliknya, istilah *customary law* adalah lebih menepati sejarah dan maksud undang-undang adat kesultanan Melayu seperti terungkap dalam tulisan Zainur Zakaria.<sup>102</sup>

Dalam konteks ini, pengertian adat yang amat luas dan mendalam di kalangan masyarakat Melayu tidak lagi berlaku. Hal ini kerana, pengkaji dapati bidang tanggapan menyeluruh konsep adat yang diberikan sarjana Barat itu sudah dipecahkan kepada

---

<sup>101</sup> Mohamad Mokhtar Hassan et. al., *Kesusasteraan dan Undang-Undang* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 2003), 96-97.

<sup>102</sup> *Adat*, as used in the region, can mean custom, courtesy, proper behaviour or customary law. Reference to *adat* in this section is taken to mean customary law or customs which have legal consequences. Lihat Zainur Zakaria, *The Legal System of Malaysia Asean Legal System* (Singapore: Butterworths Asia, 1995), 79.

pengertian yang sempit yaitu hukum adat.<sup>103</sup> Untuk itu, adat dalam konsep ini lebih di definisikan sebagai undang-undang.

Sebenarnya, yang mula-mula sekali memperkenalkan istilah hukum adat adalah di kalangan sarjana Barat Belanda yaitu Van Vollenhoven dan Ter Haar. Di Indonesia sendiri telah berlaku perdebatan bagi takrif undang-undang atau hukum dalam adat di kalangan para sarjana Belanda dan Indonesia dalam pelaksanaan undang-undang moden. Untuk itu, pengertian hukum (undang-undang) ini di bahagikan kepada dua aliran pemikiran. *Pertama*; dipelopori oleh Van Vollenhoven yang merupakan sarjana utama pengajian hukum adat. Definisi yang diberikan ialah hukum adat sebagai segala peraturan yang dipertahankan dengan adanya hukuman atau isbat. Apabila segala perbuatan itu dikenakan hukuman oleh masyarakat, jadilah peraturan atau adat itu hukum atau undang-undang dalam pengertian moden. Tanpa hukuman, peraturan itu hanya kebiasaan. Jadi, undang-undang adat ialah segala peraturan yang mempunyai kesan hukuman dan diakui oleh anggota masyarakat.<sup>104</sup>

Manakala, definisi *kedua* dipelopori oleh murid Van Vollenhoven, Ter Haar, yang mentakrif hukum adat sebagai keadaan apabila penguasa adat menjatuhkan keputusan hukuman ke atas pelanggar adat. Dengan hukuman yang dijatuhkan oleh seorang ketua

---

<sup>103</sup> istilah hukum juga berasal daripada istilah Arab “*hukm*” (حكم), jamaknya “*ahkām*” (أحكام) yang bererti “*perintah*”. Di kalangan masyarakat sebenarnya istilah *hukum* dan istilah *adat* itu terpisah pemakaian dan pengertiannya. Sebagaimana dikatakan Hidjazie, bahwa masyarakat Indonesia memisahkan serta membezakan antara pengertian “hukum” dengan pengertian “adat”. Hukum datangnya daripada luar masyarakat itu sendiri, daripada penguasa, pemerintah atau berdasarkan agama. Sedangkan adat adalah ketentuan yang timbul serta tumbuh dari dalam masyarakat itu sendiri yang mereka taati selaku hukum. Jadi pengertian hukum adat daripada huraian tersebut bererti “hukum yang timbul serta tumbuh dari dalam masyarakat yang dita’ati sebagai suatu hukum”. Lihat juga Zulkarnaini Umar, *Adat Perpatih dan Hukum Syarak di Negeri Sembilan: Analisis Perbandingan Berkaitan Institusi Kekeluargaan dan Pewarisan*, 28. Lihat juga Hilma Hadikudums, *Pokok-pokok Pengertian Hukum Adat* (Bandung: Penerbit Alumni, 1980), 26.

<sup>104</sup> Van Vollenhoven, *Het Adatrecht van Ned. Indie. De ontdekking van het Adatrecht* (t.tp.: t.p., 1928), 1: 14, 2: 398. Lihat juga Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, 11-19.

masyarakat, peraturan itu menjadi suatu hukum adat. Pengertian ini menekankan kuasa penjawat perundangan yang menjatuhkan hukuman. Jika penguasa adat itu tidak menghukum sesuatu perbuatan, peraturan itu bukan undang-undang adat.<sup>105</sup>

Antara kedua-dua pengertian di atas, ternyata takrif Van Vollenhoven menjadi pegangan ramai ahli hukum adat. Kesan atau akibat hukuman daripada suatu peraturan, kebiasaan ataupun norma masyarakat, menjadikan ia suatu undang-undang, meskipun peraturan itu atau hukumannya merupakan suatu tindakan yang paling ringan dikenakan terhadap suatu kesalahan.

### 2.3 ISLAMISASI ADAT MELAYU

Prof. Syed Naqib al-Attas menghuraikan proses Islamisasi yang berlaku ke atas umat Melayu boleh di simpulkan seperti berikut:<sup>106</sup>

“Islamisasi ialah pembebasan manusia pada tahap awalnya daripada tradisi sihir, mitos, animisme dan tradisi budaya-nasionalisnya, seterusnya pembebasan daripada cengkaman sekularisme ke atas fikiran dan budaya. Islamisasi membawa kepada Islamisme pemikiran dan akal begitu rapat hubungannya dalam memprojeksikan pendidikan semulajadinya atau worldview. Pembebasan ini akan mengembalikan (devolusi bukan evolusi) kepada fitrah kejadiannya yang asal berkeadaan harmonis dan

---

<sup>105</sup> Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, 11-19.


<sup>106</sup> Hashim Hj. Musa, “Islam dan Kebahasaan,” *Jurnal Pengajian Melayu* 17, (2006), 43. Lihat juga Al-Attas, S. M. Naquib, *Islam And Secularism*, cet. ke-2. (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1993), 44-46. Sebagai contoh proses Islamisasi kebiasaannya diungkapkan dalam pantun, pepatah-petitih, peribahasa dan seumpamanya, seperti; Adat bersendikan syara’, Syara’ bersendikan kitabullah. Syara’ mengata, adat memakai, Ya kata syara’, benar kata adat. Apa tanda orang Melayu, Kepada Islam ia tertumpu. Apa tanda orang Melayu, Dengan Islam ia menyatu. Proses Islamisasi juga melibatkan proses memperbaiki aqidah, ibadah, mu’amalat, mu’asyarah, akhlak, dan niat setelah seseorang itu menerima Islam.

saksama dengan segala kewujudan; iaitu bebas daripada tekanan nafsu badaniah yang bersifat sekular desakan sifat pelupunya yang membawa kepada kejahilan terhadap matlamat kejadiannya dan merosakkannya”.

Jika di amati secara jelasnya, konsep yang paling jelas membawa kepada proses Islamisasi adat Melayu adalah konsep yang melibatkan adat menurut perspektif Melayu dan juga menurut perspektif syariah Islam berdasarkan sejarah penerimaan Islam di kalangan adat Melayu.

Jadual di bawah menjelaskan berlakunya Islamisasi adat Melayu akibat daripada pertembungan dua konsep adat yang berbeza iaitu adat Melayu dan juga adat syariah Islam.

**Rajah 2.3.1: Islamisai Adat Melayu**



Rajah di atas menunjukkan hubungkait antara adat dan syarak iaitu saling lengkap melengkapi antara satu sama lain atau di kenali dengan istilah Islamisasi Adat. Istilah ini bermaksud segala adat yang telah lama berperanan mengatur kehidupan masyarakat Melayu itu tidak dihapuskan secara total, tanpa saring, atau tanpa tapis. Sebaliknya, adat tersebut diberi orientasi baru dan modifikasi seperlunya untuk disesuaikan dengan Islam.


Dengan demikian, adat tadi yang berprinsip adat bersendi alur dengan patut telah mengalami Islamisasi lalu menjadi; adat basandi syarak, syarak basandi Kitabullah, syarak mengata, adat memakai. Gandingan syarak dengan adat yang harmonis itulah yang melahirkan kata-kata, syarak nan lazim, adat nan kawi. Maksudnya seseorang itu haruslah hidup berlandaskan syarak yang mesti dihayati di samping adat yang diperkuat dengan muafakat. Proses penyesuaian adat dengan syarak telah berlangsung terus-menerus sehingga akhirnya membawa kepada pengenalanpastian adat Islamiah dan adat jahiliah.

Secara umumnya, unsur-unsur adat yang bertentangan dengan Islam yang disebut adat jahiliah itu telah lama ditinggalkan. Hubungkait antara adat dan syarak ini telah menjadikan adat sebagai sumber sekunder dalam proses penetapan hukum bagi isu atau masalah yang tidak dapat diselesaikan melalui dalil-dalil dalam al-Quran dan juga as-Sunnah.

## 2.4 ANALISIS KOMPARATIF

Konsep adat yang dikemukakan oleh ketiga-tiga perspektif tersebut iaitu sarjana Melayu, Islam dan juga sarjana Barat memperlihatkan kepelbagaian definisi atau takrif yang diberikan terhadap istilah adat itu sendiri. Bagaimanapun kepelbagaian tersebut menyebabkan istilah adat itu sendiri menjadi bertambah sempit dan khusus. Oleh itu, satu huraian telah pengkaji lakukan bagi melihat wujud atau tidak hubungkait antara ketiga-tiga konsep adat ini.

**Rajah 2.4.1: Hubungkait Antara Konsep Adat Menurut Perspektif Melayu, Syariah Islam dan Sarjana Barat**



Rajah tersebut jelas menunjukkan kontradiksi di antara tiga konsep adat yang berbeza berdasarkan tiga aliran iaitu, *pertama*; yang mewakili perspektif Melayu, *kedua*; mewakili perspektif syariah Islam dan *ketiga*; mewakili perspektif sarjana Barat. Berdasarkan kepada kesemua aliran ini, pengkaji telah membahagikan kepada tiga pertembungan yang berbeza seperti dalam rajah tersebut.

*Pertama*, pertembungan yang melibatkan aliran adat menurut perspektif Melayu dan juga menurut perspektif Islam. Secara jelasnya, konsep yang dikemukakan oleh kedua-dua aliran ini keseluruhannya mempunyai hubungkait yang rapat antara satu sama lain sehingga membawa kepada berlakunya Islamisasi adat Melayu seperti mana yang telah pengkaji huraikan pada rajah 2.3.1.

Hal ini jelas kelihatan apabila kedatangan Islam itu sendiri telah disambut baik dan diterima adat, malah diserasikan antara keduanya. Pada masa yang sama juga, adat turut memperakui peranan syariah Islam dalam mengatur urusan kehidupan harian masyarakat. Ertinya, segala jenis hukum adat boleh dilaksanakan selagi mana ianya tidak bertentangan dari sudut hukum syarak disamping perlu mematuhi syarat-syarat pengambilkiraan ‘urf dan adat yang telah ditetapkan.

Seterusnya, bagi pertembungan *kedua* dan *ketiga* yang melibatkan adat menurut perspektif Melayu dan Barat serta adat menurut perspektif Barat dan syariah Islam jelas menunjukkan bahwa tiada kesalingkaitan antara kedua-duanya. Adat dari kaca mata Barat didasari oleh paradigma sekular, sedangkan adat dari kaca mata Melayu dan Islam adalah hasil interaksi makhluk manusia dengan alam sekeliling yang berpaksikan keluhuran akal fikiran bersandarkan wahyu Ilahi atau paradigma Tauhid iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Jadi konsep adat yang di utarakan oleh Barat adalah tidak tepat dan penuh dengan pemikiran eurocentrism.



Biarpun begitu, adat menurut perspektif sarjana Barat amat berbeza sekali berbanding dengan perspektif Melayu dan juga syariah Islam. Bagi Barat mereka melihat adat itu sendiri dengan pandangan yang sekular, sempit, longgar dan mengelirukan. Hal ini kerana, berdasarkan teori hukum adat Indonesia<sup>107</sup> Barat melihat adat itu dengan dua pandangan yang berbeza.

Pertama, mereka mendefinisikan adat itu sebagai suatu yang terhasil daripada pengaruh agama<sup>108</sup> atau dikenali sebagai *receptio de complexu*.<sup>109</sup> Mereka yang berpegang dengan teori ini menganggap agama itu sebahagian daripada adat. Sedangkan sebagaimana yang difahami segala aspek adat itu lahir daripada cara hidup manusia. Jadi dengan itu juga menerangkan agama yang muncul dari kegiatan cara hidup manusia itu sendiri. Dengan perkataan yang lebih mudah apa yang difahamkan dengan agama itu dihasilkan oleh manusia sebagaimana juga aspek-aspek lain. Fahaman seperti ini sudah tentu menimbulkan kekeliruan dengan kepercayaan yang ada pada penganut.

Tambahan lagi, penganut-penganut agama, khususnya agama-agama besar di dunia ini dengan tegas mempercayai bahawa agama mereka itu diturunkan oleh Tuhan, bukannya ciptaan manusia. Pendek kata, apabila para pengkaji Barat itu berdepan dengan ahli-ahli agama penting di dunia ini, berbagai persoalan dan tanda tanya tidak dapat diselesaikan. Persoalannya sama ada agama itu yang mewarnakan adat atau sebaliknya adat itu yang memberi warna kepada agama. Dalam hal ini para pengkaji tidak mudah menyelesaikan.

---

<sup>107</sup> Lihat bab 4 muka surat 145.

<sup>108</sup> Wan Abdul Kadir, *Konsep dan Persoalan Budaya Melayu* (Kota Bharu dan Petaling Jaya: Masfami Enterprise, 1992), 67-68.

<sup>109</sup> Keterangan lengkap sila rujuk bab keempat.

Kesannya, segala teori berkaitan dengan itu tidak dapat dibuktikan dengan benar, dan oleh itu apa yang dipakai mereka merupakan anggapan.<sup>110</sup>

Sementara kategori kedua pula, mendefinisikan adat itu berjalan dengan sendirinya tanpa terikat dengan mana-mana agama dan ia dikenali dengan istilah *receptie*. Pandangan yang sempit ini majoriti dikuasai oleh sarjana Barat dan ia sebagai langkah untuk menolak pandangan yang pertama.

## 2.5 KESIMPULAN

Ketiga-tiga perspektif yang membincangkan tentang adat menunjukkan persepsi yang berbeza-beza. Ada yang menganggap adat itu sebagai suatu yang meluas sehingga merangkumi keseluruhan cara hidup dan ada juga yang menganggap adat itu merupakan perbuatan yang boleh di terima pakai selagi mana tidak bertentangan dari sudut syarak. Manakala dari sudut pandangan lain ada yang mengklasifikasikan adat sebagai undang-undang atau hukum adat sekaligus menjadikan adat itu suatu yang sempit.

Namun begitu, Islamisasi yang berlaku antara dua perspektif Melayu dan syariah Islam menjadikan adat tersebut lebih Islamik. Lebih-lebih lagi apabila adat tersebut dijadikan sebagai sumber sekunder dalam proses penetapan hukum bagi isu atau masalah yang tidak dapat diselesaikan melalui dalil-dalil dalam al-Quran dan juga as-Sunnah. Proses Islamisasi ini juga, turut menjadikan adat itu bertambah Islamik disamping membawa masyarakat kepada pengenalanpastian adat Islamiah dan adat jahiliah secara jelas.

---

<sup>110</sup> Wan Abdul Kadir, *Konsep dan Persoalan Budaya Melayu*, 67-68.